



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 7, July 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Hubungan antara Tahap Penglibatan Guru Novis di Negeri Melaka dalam Pembelajaran Tidak Formal Melalui Media Sosial dengan Pengurusan Bilik Darjah dan Pengurusan Emosi

Nur Farah Adiba Badrul Hisham¹, Faridah Mydin Kutty¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Correspondence: Nur Farah Adiba Badrul Hisham (p101181@siswa.ukm.edu.my)

Abstrak

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial dengan tahap pengurusan bilik darjah dan tahap pengurusan emosi guru novis. Kajian ini dijalankan di 100 buah sekolah rendah dan sekolah menengah daripada tiga buah daerah di negeri Melaka iaitu daerah Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin. Seramai 219 orang guru novis dari 100 buah sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Melaka telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Data kajian dikumpulkan menggunakan satu set soal selidik yang ditadbir secara atas talian menggunakan perisian 'Google Form'. Instrumen soal selidik dalam kajian ini mengandungi empat bahagian yang mana Bahagian A mengandungi maklumat berkaitan demografi, bahagian B berkaitan tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial, bahagian C berkaitan pengurusan bilik darjah dan akhir sekali Bahagian D meliputi soalan-soalan berkaitan pengurusan emosi guru novis berdasarkan Model Kecerdasan Emosi Bar-On. Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga dengan tahap pengurusan bilik darjah dan tahap pengurusan emosi guru novis. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial dengan tahap pengurusan bilik darjah dan pengurusan emosi guru novis. Selain itu, kajian ini turut membincangkan implikasi pembelajaran tidak formal melalui penggunaan media sosial terhadap tahap profesionalisme guru novis serta langkah-langkah yang sesuai bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran tidak formal melalui media sosial dalam kalangan guru novis.

Kata kunci: pembelajaran tidak formal, media sosial, pengurusan bilik darjah, pengurusan emosi, guru novis

Relationship Between The Level Of Participation Of Novice Teachers In Malacca In Informal Learning Through Social Media With Classroom Management And Emotional Management

Abstract

This survey research was to identify the relationship between the level of participation of novice teachers in informal learning through social media with the level of classroom management and the level of

emotional management of novice teachers. This study was conducted in 100 primary and secondary schools from three districts in the state of Malacca, namely Alor Gajah, Melaka Tengah and Jasin districts. A total of 219 novice teachers from 100 primary and secondary schools in the state of Malacca were selected as respondents for this study. This study is a quantitative study using survey method. Data were collected using a set of questionnaires administered using 'Google Form' software. The questionnaire instrument in this study consists of four parts where Part A contains information related to demographics, part B related to the level of participation of novice teachers in informal learning through social media, part C related to classroom management and finally Part D covers questions related to emotional management of novice teacher based on the Bar-On Emotional Intelligence Model. The results of the analysis show that the level of participation of novice teachers in informal learning through social media is at a high level. The same goes for the level of classroom management and the level of emotional management of novice teachers. The findings also show that there is a significant relationship between the level of participation of novice teachers in informal learning through social media with the level of classroom management and emotional management of novice teachers. In addition, this study also discusses the implications of informal learning through the use of social media on the level of professionalism of novice teachers as well as appropriate measures to increase the effectiveness of informal learning through social media among novice teachers.

Keywords: informal learning, social media, classroom management, emotional management, novice teachers

Pengenalan

Tengku Sarina dan Fatimah (2018) menyatakan bahawa kajian yang meluas telah sering dijalankan mengenai guru novis terutamanya dalam membandingkan kebolehan dan keupayaan mereka dengan guru yang berpengalaman. Pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru novis di dalam kelas dan luar kelas, hubungan sosial guru novis dengan guru-guru lain dan pentadbir serta tugas pentadbiran yang perlu dilakukan di luar waktu PdPc merupakan antara isu yang sering dibincangkan (Tengku Sarina & Fatimah, 2018).

Orgovanyi-Gadjos (2015) mendapati pengetahuan dan pengalaman guru novis ketika dalam institusi latihan pendidikan guru tidak sama dengan realiti kelas yang sebenar menyebabkan kebanyakan daripada mereka mengalami kesukaran dalam mengadaptasi keadaan itu. Hal ini kerana, guru novis perlu berdepan dan menguruskan situasi sebenar yang belum pernah mereka alami semasa berada dalam latihan pendidikan guru (Tengku Sarina & Fatimah, 2018). Peranan mereka tidak hanya terhad kepada PdPc, tetapi mereka perlu memastikan murid dapat memenuhi harapan negara yang menginginkan pendidikan yang holistik.

Perkembangan profesional yang berjaya berkait rapat dengan perkongsian kolaboratif antara guru yang bekerjasama secara reflektif dengan tujuan untuk meningkatkan amalan pedagogi mereka (Khalid, 2014). Perkembangan profesional guru melalui perkongsian bukan sahaja menyelesaikan masalah berkaitan pedagogi (Souto-Manning, 2012) tetapi juga menawarkan platform untuk guru membincangkan amalan pengurusan bilik darjah mereka (Taylor, 2017). Melalui pendekatan perkongsian ini juga, guru dapat meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran mereka (Lysaker & Thompson, 2013), membina pemahaman yang lebih baik terhadap murid mereka (Parkinson, 2009), dan mengembangkan identiti profesional mereka (Taylor, 2017).

Berdasarkan kajian lepas oleh Shu-Fen et al. (2015), usaha menggalakkan guru untuk menggunakan platform media sosial boleh meningkatkan sikap bersatu padu dan perkongsian pengetahuan sesama mereka. Beliau turut berpendapat penggunaan platform ini secara berterusan juga dapat memperluas pembelajaran yang mana guru dapat terlibat dalam interaksi, kolaborasi, penyertaan aktif dan perkongsian maklumat serta sumber di luar waktu persekolahan. Sebilangan besar kajian hanya memfokuskan kepada faktor yang mempengaruhi sikap dalam menggunakan teknologi (Ates, 2013)

tetapi kurang memfokuskan kepada tahap penglibatan dalam menggunakan teknologi terutamanya melalui penggunaan media sosial.

Oleh itu, tujuan utama kajian ini memfokuskan tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui penggunaan media sosial. Bagi tujuan ini, kajian akan dijalankan bagi melihat hubungannya dengan pengurusan bilik darjah serta pengurusan emosi. Hasil kajian ini diharap dapat membantu memberi kefahaman dan pengetahuan yang lebih baik kepada guru novis berkaitan pengurusan bilik darjah dan pengurusan emosi seterusnya meningkatkan perkembangan profesional mereka.

Sorotan Literatur

Kajian-kajian berkaitan cabaran guru novis dalam pengurusan bilik darjah dan pengurusan emosi telah sering dijalankan, baik di dalam negara mahupun kajian antarabangsa. Di Amerika Syarikat, kajian menunjukkan bahawa guru novis tidak cukup bersedia untuk menempuhi cabaran dalam menguruskan bilik darjah pada tahun pertama bertugas sebagai guru (Berry, 2009). Latihan pra perkhidmatan didapati tidak cukup untuk membuatkan guru novis berasa lebih bersedia dengan pengetahuan dan kemahiran yang lengkap (Ingersoll, 2016) dan seterusnya menyebabkan mereka sukar untuk mengendalikan pelbagai situasi kompleks dalam bilik darjah termasuklah salah laku murid (McCarthy et al., 2015). Malah, salah satu sebab utama guru novis meninggalkan profesion perguruan adalah disebabkan oleh masalah pengurusan bilik darjah khususnya disiplin murid.

Kajian oleh Goh (2013) melaporkan terdapat pelbagai cara dalam membangunkan profesionalisme guru novis, salah satu cara yang semakin popular adalah melalui proses pembelajaran tidak formal. Goh (2013) berpendapat, pertolongan dan sokongan daripada rakan sekerja sangat dihargai oleh guru novis di Malaysia. Untuk membina hubungan dengan rakan sekerja dan mendapatkan bimbingan, mereka didapati tidak malu dan tidak teragak-agak.

Pembelajaran Tidak Formal melalui Media Sosial

Menurut Teo et al. (2013), pembelajaran yang dijalankan secara sampingan dan sebagai penambah atau pelengkap kepada pembelajaran formal, di luar sistem persekolahan yang mana pelaksanaannya kurang berstruktur dan lebih fleksibel (McGivney, 2002) didefinisikan sebagai pembelajaran tidak formal. Pembelajaran tidak formal ini boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana jua menggunakan pelbagai medium seperti televisyen, radio, laman web, blog, media sosial, khidmat pesanan ringkas, panggilan telefon dan aplikasi perbualan di telefon pintar. Ini selaras dengan pendapat Merriam dan Baumgartner (2007) yang menyatakan bahawa pembelajaran tidak formal ini tidak menetapkan sebarang isi pelajaran atau bahan-bahan pelajaran yang perlu dikuasai.

Peranti teknologi membenarkan akses kepada kebijaksanaan secara kolektif dan membolehkan pengetahuan dikongsi sesama mereka (Cope & Kalantzis, 2009). Oleh itu, guru-guru novis ini mempunyai kebarangkalian untuk menjadi aktif dan menentukan sendiri apa yang perlu dipelajari bergantung kepada keperluan mereka (Merriam, 2001). Guru novis juga dapat berhubung dengan orang lain yang boleh membantu mereka menyelesaikan masalah tertentu (Lieberman & Mace, 2010).

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian dalam negara tidak memfokuskan kepada tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial dengan tahap pengurusan bilik darjah dan tahap pengurusan emosi. Hal ini kerana, penglibatan setiap hari dalam tetapan sosial adalah sumber pembelajaran tidak formal yang berkesan memandangkan sokongan dan maklum balas daripada rakan-rakan mampu meningkatkan keyakinan diri guru novis, memperbaiki amalan pembelajaran mereka dan meningkatkan komitmen mereka terhadap bidang kerja terutamanya ketika tempoh awal perkhidmatan memandangkan tempoh ini merupakan

tempoh paling sesuai untuk memberi tunjuk ajar dan membetulkan mana-mana kesalahan secara terus (Eraut, 2011, p.9).

Teori Pembelajaran 'Connectivism'

Menurut Siemens (2005), individu memperoleh kecekapan dari pembelajaran formal dan keupayaan mereka mengetahui sesuatu adalah lebih penting daripada apa yang sudah diketahui. Veletsianos (2010) berpendapat, '*connectivism*' menjurus kepada teori kurikulum yang menyatakan keperluan matlamat pendidikan dan cara individu perlu belajar dalam kurikulum berbanding teori pembelajaran. Marcum (2006) pula menyatakan bahawa '*connectivism*' melampaui 'behaviorisme', 'kognitivisme', 'konstruktivisme' yang mengubah pendekatan berpusatkan individu kepada pendekatan yang didorong oleh individu. Pembelajaran dari luar diri individu melalui rangkaian sosial menyebabkan teori ini dilihat sebagai peningkatan yang ketara daripada teori pembelajaran sebelumnya. '*Connectivism*' juga merupakan satu teori pembelajaran yang kontekstual dalam era digital yang menggunakan pengaruh teknologi dalam bidang pendidikan.

Siemens (2005) telah mengenal pasti beberapa prinsip '*connectivism*'. Antaranya ialah kepelbagaian pendapat yang membawa maksud sesuatu pembelajaran dan pengetahuan berkaitan pengurusan bilik darjah itu mempunyai pendapat dan pandangan yang pelbagai dari setiap guru terutamanya guru yang lebih berpengalaman. Seterusnya, proses pembelajaran berlaku dengan menghubungkan sumber-sumber maklumat yang diperoleh melalui pembelajaran tidak formal dari media sosial dalam nod-nod yang khusus. Selain itu, pembelajaran juga dikatakan boleh berlaku di luar diri manusia. Kapasiti atau kebolehan untuk mempelajari sesuatu yang baru dilihat sebagai lebih penting berbanding apa yang telah diketahui. Prinsip seterusnya menyatakan bahawa bagi memastikan pembelajaran dapat dilaksanakan secara berterusan, keperluan memelihara hubungan rangkaian pembelajaran adalah penting. Antara perkara yang utama termasuklah kemampuan untuk melihat hubungan antara pelbagai bidang, idea dan konsep. Perubahan maklumat yang cepat akan mempengaruhi sesuatu keputusan, justeru kebolehan dalam memilih apa yang dipelajari adalah sangat penting dalam menghadapi kepadatan maklumat (Siemens, 2005).

Pengurusan Bilik Darjah

Kaedah yang diguna pakai oleh guru selaku pengurus bilik darjah ketika berhadapan dengan masalah pengawasan, kemudahan fizikal, suasana pembelajaran yang kondusif, serta pengurusan disiplin dan tingkah laku pelajar merupakan antara perkara yang merangkumi pengurusan bilik darjah (Solarte, 2011). Menurut Carr (2013), pengurusan bilik darjah merujuk kepada gabungan tiga komponen utama iaitu pengurusan kandungan, pengurusan tingkah laku, dan pengurusan hubungan.

Terdapat beberapa kajian berkenaan isu guru novis yang mempunyai masalah dalam pengurusan bilik darjah terutamanya yang berkaitan dengan 'kompetensi pedagogi'. Goh, Qismullah dan Wong (2017) melaporkan bahawa kawalan bilik darjah, tingkah laku murid, persediaan pengajaran, pengetahuan pedagogi, cara memahami keperluan murid dan juga kesedaran sebagai seorang guru merupakan antara masalah dalam kompetensi pedagogi guru novis di Malaysia. Perbandingan guru novis dengan guru senior yang lebih berpengalaman dalam pengurusan bilik darjah yang bermasalah juga telah dilaporkan oleh Wolff, Jarodzka dan Boshuizen (2017) yang berfokus kepada peranan guru novis dalam menangani masalah pengurusan bilik darjah mereka.

Pengurusan Emosi

Menurut Bar-On, kecerdasan emosi berkait rapat dengan kebolehan individu mengurus emosi sendiri dan orang lain. Beliau telah mencadangkan lima komponen kecerdasan emosi iaitu intrapersonal, interpersonal, pengurusan tekanan, penyesuaian dan penyelesaian masalah. Dalam kajian ini, model Kecerdasan Emosi Bar-On (1997) telah digunakan sebagai panduan tetapi hanya memfokuskan domain interpersonal dan penyelesaian masalah. Goleman (2006) berpendapat, seseorang yang tidak berupaya mengurus emosi apabila berinteraksi dengan orang lain akan menjadi kurang bermotivasi untuk

menjalankan kerja dengan baik. Mereka juga tidak boleh digolongkan sebagai individu yang berjaya dalam kerjaya masing-masing kerana peristiwa-peristiwa cetusan emosi terutamanya yang berlaku di tempat kerja, membawa implikasi kepada tahap kestabilan dan kematangan emosi yang dimiliki.

Budaya tempat kerja, sikap pelajar, tahap keyakinan diri guru novis yang rendah, dan penguasaan mata pelajaran adalah antara faktor yang mempengaruhi emosi guru-guru novis (Nolan & James, 2004). Walau bagaimanapun, sikap negatif pelajar adalah faktor utama yang memberi kesan kepada keyakinan diri mereka. Guru novis juga didapati sering mengelak untuk bertanya 'terlalu banyak' daripada guru yang lebih berpengalaman di sekolah mereka bagi mengekalkan harga diri mereka (Fariza Khalid, 2015).

Metod Kajian

Reka bentuk kajian yang paling sesuai digunakan untuk kajian ini ialah kajian berbentuk korelasi. Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif. Kajian ini dijalankan di 100 buah sekolah rendah dan sekolah menengah daripada tiga buah daerah di negeri Melaka iaitu daerah Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin. Populasi guru novis sekolah rendah dan sekolah menengah di tiga buah daerah ini adalah seramai 537 orang. Berdasarkan jadual penentuan sampel Krejci dan Morgan (1970), sampel yang dipilih adalah seramai 219 orang dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

Dalam kajian ini, satu set soal selidik (Lampiran 1) yang terdiri daripada 35 soalan telah diadaptasi dari soal selidik kajian-kajian lepas bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Soal selidik dalam kajian ini mengandungi empat bahagian yang mana Bahagian A mengandungi maklumat berkaitan demografi seperti maklumat diri dan maklumat sekolah. Bahagian B pula yang diadaptasi dari soal selidik oleh Suzlina dan Jamaludin (2015) bertanyakan maklumat berkaitan tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui penggunaan media sosial. Bahagian C yang diadaptasi dari soal selidik 'National New Teacher Survey' merangkumi soalan-soalan berkaitan pengurusan bilik darjah dan akhir sekali Bahagian D yang diadaptasi dari soal selidik 'The Bar-On Emotional Quotient Inventory' (Bar-On EQ-i) dan 'Myers-Briggs® Instrument' yang meliputi soalan-soalan berkaitan pengurusan emosi guru novis berdasarkan Model Kecerdasan Emosi Bar-On.

Penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 30 orang guru novis yang mempunyai latar belakang yang sama dengan sampel kajian bagi menguji kesahan item dalam soal selidik. Tahap kesahan dan kebolehpercayaan item diuji menggunakan pekali alpha Cronbach yang mana jika hasil nilai alpha adalah kurang daripada 0.6, ianya dianggap lemah manakala nilai alpha 0.7 ke atas dianggap baik. Hasil analisis menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan bagi item soal selidik dalam Bahagian A adalah 0.876 manakala Bahagian B sebanyak 0.950 dan Bahagian C sebanyak 0.933. Oleh itu, nilai pekali kebolehpercayaan bagi keseluruhan adalah tinggi sekaligus membuktikan bahawa kesemua item dalam soal selidik boleh diterima pakai untuk digunakan dalam kajian sebenar. Data kuantitatif dalam kajian ini dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) for Windows version 25.0*.

Hasil Kajian

Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan data demografi responden berkaitan jantina, subjek diajar, lokasi sekolah dan jenis sekolah berdasarkan bilangan dan peratusan responden.

Jadual 1: Demografi Responden (N=219)

Maklumat Demografi		Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	92	42.0
	Perempuan	127	58.0

	Bahasa Melayu	60	27.4
	Bahasa Inggeris	43	19.6
Subjek	Bahasa Arab	9	4.1
Diajar	Bahasa Cina	6	2.7
	Bahasa Tamil	4	1.8
	Pendidikan Islam	29	13.2
	Matematik	25	11.4
	Sains	15	6.8
	Sejarah	12	5.5
	Pendidikan Jasmani	16	7.3
Lokasi	Bandar	118	53.9
Sekolah	Luar Bandar	101	46.1
Jenis	Sekolah Rendah	109	49.8
Sekolah	Sekolah Menengah	110	50.2

Tahap Penglibatan Guru Novis dalam Pembelajaran Tidak Formal Melalui Media Sosial

Kajian ini mengukur tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial berdasarkan kepada dua dimensi iaitu dimensi media sosial sebagai perpustakaan maklumat dan dimensi media sosial sebagai medium pembelajaran kolaboratif. Jadual 2 menunjukkan keputusan analisis deskriptif bagi nilai min secara keseluruhan untuk kedua-dua dimensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa skor media sosial sebagai perpustakaan maklumat ($M=4.29$, $SP=0.643$) adalah berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga dengan skor media sosial sebagai medium pembelajaran kolaboratif ($M=4.32$, $SP=0.654$) juga berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap penglibatan guru novis di negeri Melaka dalam pembelajaran tidak formal melalui penggunaan media sosial ($M=4.31$, $SP=0.614$) adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 2: Tahap Penglibatan Guru Novis Dalam Pembelajaran Tidak Formal Melalui Media Sosial

	Min	SP	Tahap
Media sosial sebagai perpustakaan maklumat	4.29	.643	Tinggi
Media sosial sebagai medium pembelajaran kolaboratif	4.32	.654	Tinggi
Keseluruhan	4.31	.614	Tinggi

Nota: (Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Tahap Pengurusan Bilik Darjah

Kajian ini mengukur tahap pengurusan bilik darjah guru novis berdasarkan kepada dua dimensi iaitu dimensi pengurusan tingkah laku dan dimensi pengurusan hubungan. Jadual 3 menunjukkan keputusan analisis deskriptif bagi nilai min secara keseluruhan untuk kedua-dua dimensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa skor kedua-dua dimensi tahap pengurusan bilik darjah guru novis iaitu pengurusan tingkah laku ($M=4.15$, $SP=0.629$) dan pengurusan hubungan ($M=4.12$, $SP=0.688$) adalah berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap pengurusan bilik darjah guru novis di negeri Melaka ($M=4.14$, $SP=0.611$) adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 3: Tahap Pengurusan Bilik Darjah Guru Novis

	Min	SP	Tahap
Pengurusan tingkah laku	4.15	.629	Tinggi
Pengurusan hubungan	4.12	.688	Tinggi

Keseluruhan	4.14	.611	Tinggi
-------------	------	------	--------

Nota: (Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Tahap Pengurusan Emosi

Kajian ini mengukur tahap pengurusan emosi guru novis berdasarkan kepada dua dimensi iaitu dimensi interpersonal dan dimensi penyelesaian masalah. Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis deskriptif bagi nilai min secara keseluruhan untuk kedua-dua dimensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa skor kedua-dua dimensi tahap pengurusan emosi guru novis iaitu interpersonal (M=4.19, SP=0.580) dan penyelesaian masalah (M=4.12, SP=0.631) adalah berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap pengurusan emosi guru novis di negeri Melaka (M=4.15, SP=0.576) adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4: Tahap Pengurusan Emosi Guru Novis

	Min	SP	Tahap
Interpersonal	4.19	.580	Tinggi
Penyelesaian masalah	4.12	.631	Tinggi
Keseluruhan	4.15	.576	Tinggi

Nota: (Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Ho1 Tidak terdapat hubungan antara tahap penglibatan guru novis di negeri Melaka dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial dengan tahap pengurusan bilik darjah guru novis

Hasil kajian seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5 menunjukkan media sosial sebagai perpustakaan maklumat ($r = 0.713$, $p < 0.01$); dan media sosial sebagai medium pembelajaran kolaboratif ($r = 0.697$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pengurusan bilik darjah guru novis.

Jadual 5: Hubungan Antara Tahap Penglibatan Guru Novis dengan Tahap Pengurusan Bilik Darjah Guru Novis

	Tahap pengurusan bilik darjah guru novis	
	r	Sig. P
Media sosial sebagai perpustakaan maklumat	0.713**	.000
Media sosial sebagai medium pembelajaran kolaboratif	0.697**	.000
Tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial	0.745**	.000

** $p < 0.01$

Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap penglibatan guru novis di negeri Melaka dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial ($r = 0.745$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pengurusan bilik darjah guru novis. Oleh itu hipotesis nol (Ho1) gagal diterima (ditolak).

Ho2 Tidak terdapat hubungan antara tahap penglibatan guru novis di negeri Melaka dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial dengan tahap pengurusan emosi guru novis

Hasil kajian seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6 menunjukkan media sosial sebagai perpustakaan maklumat ($r = 0.687$, $p < 0.01$); dan media sosial sebagai medium pembelajaran kolaboratif ($r = 0.658$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pengurusan emosi guru novis.

Jadual 6: Hubungan Antara Tahap Penglibatan Guru Novis dengan Tahap Pengurusan Emosi Guru Novis

	Tahap pengurusan emosi guru novis	
	r	Sig. P
Media sosial sebagai perpustakaan maklumat	0.687**	.000
Media sosial sebagai medium pembelajaran kolaboratif	0.658**	.000
Tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial	0.710**	.000

** p < 0.01

Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap penglibatan guru novis di negeri Melaka dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial ($r = 0.710$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pengurusan emosi guru novis sekaligus menjadikan hipotesis nol (H_0) gagal diterima (ditolak).

Perbincangan Kajian

Tahap penglibatan guru novis di negeri Melaka dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penglibatan guru novis di negeri Melaka dalam pembelajaran tidak formal yang menjadikan media sosial sebagai perpustakaan maklumat berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini mendapati guru novis menghabiskan masa sekurang-kurangnya empat hingga enam jam sehari menggunakan internet sekaligus membuktikan bahawa guru novis lebih banyak terlibat dalam pembelajaran tidak formal secara maya melalui media sosial berbanding secara formal atau bersemuka.

Dapatan ini selaras dengan hasil kajian Campana (2014) yang membuktikan bahawa antara sumber sokongan penting yang sering dijadikan rujukan oleh guru novis untuk mendapatkan maklumat berkaitan profesionalisme mereka adalah media sosial. Item berkaitan kemahiran dan pengetahuan dalam penggunaan aplikasi media sosial mencatatkan nilai min yang tinggi. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa guru novis mahir dan tidak mempunyai masalah dalam mengakses bahan-bahan yang dikongsi dari media sosial menyebabkan proses pembelajaran tidak formal yang mereka sertai menjadi lebih mudah.

Seterusnya, hasil dapatan bagi tahap penglibatan guru novis di negeri Melaka dalam pembelajaran tidak formal yang menjadikan media sosial sebagai medium pembelajaran kolaboratif berada pada tahap yang tinggi. Nilai min yang tinggi dalam item berkaitan media sosial sebagai alat pembelajaran kolaboratif yang baik antara rakan-rakan guru menunjukkan bahawa guru novis di negeri Melaka bersetuju bahawa media sosial membantu mereka berkolaboratif dengan rakan-rakan guru lain tanpa batasan. Kenyataan ini disokong oleh Eraut (2011, p.9) yang menyatakan bahawa perkongsian dan perbincangan maklum balas daripada rakan-rakan guru lain berupaya meningkatkan keyakinan, amalan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) serta tahap profesionalisme ketika tempoh awal perkhidmatan.

Tahap pengurusan bilik darjah

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian bagi tahap pengurusan bilik darjah guru novis di negeri Melaka selepas terlibat dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial berada pada tahap tinggi. Hal ini kerana, berdasarkan nilai min yang tinggi bagi dimensi pengurusan tingkah laku, kebanyakan guru novis di negeri Melaka bersetuju bahawa perkongsian dari media sosial membantu mereka merancang aktiviti-aktiviti yang berpusatkan murid bagi mengekalkan disiplin dalam bilik darjah.

Dapatan ini selari dengan kajian oleh Goh (2017) yang berpendapat bahawa sokongan dan pertolongan

daripada rakan-rakan guru yang lain dalam mengendalikan isu-isu berkaitan bilik darjah sangat dihargai oleh guru novis di Malaysia. Perkara ini sekaligus menunjukkan bahawa guru-guru novis sangat memerlukan bantuan dan sokongan tidak formal daripada rakan-rakan guru lain kerana bukan mudah untuk mereka berhadapan dengan realiti sebenar dunia pendidikan yang belum pernah mereka alami semasa proses latihan pendidikan guru sewaktu di institusi pengajian.

Dapatan kajian seterusnya juga menunjukkan bahawa tahap pengurusan bilik darjah guru novis bagi dimensi pengurusan hubungan berada pada tahap tinggi. Berdasarkan nilai min yang tinggi bagi pengurusan hubungan, guru novis percaya bahawa perkongsian dari media sosial membuatkan mereka lebih bersedia untuk bekerja dengan rakan-rakan guru di sekolah walaupun mereka bukan dari latar belakang yang sama. Kajian oleh Eraut (2011) turut menyokong hasil dapatan kajian yang mana menurut beliau, penglibatan yang kerap dalam media sosial adalah sumber pembelajaran tidak formal yang sangat bagus terutamanya untuk guru novis yang mana sokongan dan maklum balas daripada rakan-rakan lain dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam bidang kerja terutamanya ketika tempoh awal perkhidmatan.

Tahap Pengurusan Emosi

Hasil analisis kajian ini menunjukkan bahawa selepas penglibatan dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial, keseluruhan tahap pengurusan emosi guru novis berdasarkan dimensi interpersonal dan dimensi penyelesaian masalah berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan nilai min yang tinggi bagi dimensi interpersonal, guru novis percaya bahawa perkongsian dari media sosial membantu mereka berasa lebih yakin bahawa mereka boleh melakukan perubahan jika berusaha. Keputusan ini juga disokong oleh satu kajian yang dijalankan oleh Rashida (2013) yang mendapati bahawa dengan menonjolkan diri sebagai individu yang koperatif dan banyak memberi sumbangan kepada kumpulan, ianya dapat memperbaiki kemahiran interpersonal mereka.

Selain itu, tahap pengurusan emosi guru novis bagi dimensi penyelesaian masalah juga menunjukkan nilai min yang tinggi. Berdasarkan nilai min tersebut, guru novis berpendapat perkongsian dari media sosial mengelakkan mereka daripada bertindak mengikut emosi. Perkara ini membuktikan bahawa melalui penglibatan dalam media sosial, guru novis berupaya berfikir lebih rasional sekaligus berjaya mengawal emosi mereka. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Bar-On (1997) yang berpendapat bahawa seseorang itu dikatakan mempunyai kecerdasan emosi yang baik apabila berkebolehan mengurus emosi sendiri dan orang lain.

Hubungan Antara Tahap Penglibatan Guru Novis dalam Pembelajaran Tidak Formal Melalui Media Sosial dengan Tahap Pengurusan Bilik Darjah dan Pengurusan Emosi

Analisis hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial dengan tahap pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru novis di negeri Melaka. Kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial mampu meningkatkan keupayaan guru novis mengurus bilik darjah.

Ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Noorhadi dan Zurinah (2017) yang berpendapat, media sosial seperti 'Facebook' mampu meningkatkan sistem pengajaran dan pembelajaran seiring dengan percambahan evolusi teknologi pada masa kini memandangkan pengguna boleh berkongsi maklumat, bahan akademik, artikel dan bahan rujukan. Bahan maklumat dan rujukan ini juga boleh dirujuk secara berterusan dengan menggunakan kemudahan 'follow page' yang terdapat dalam laman 'Facebook'. Oleh itu, sistem pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) secara tidak langsung dapat ditingkatkan ke arah yang lebih berkualiti dengan kemudahan keberkesanan penyampaian maklumat (Rahimi & Zawawi, 2005).

Kajian ini juga mendapati tahap penglibatan guru novis di negeri Melaka dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pengurusan emosi guru

novis. Pembelajaran tidak formal dari media sosial mampu membantu guru novis mengurus emosi dengan lebih baik sekaligus meningkatkan tahap profesionalisme mereka.

Dapatan ini disokong oleh kajian Fariza, Md. Yusoff dan Aidah (2015) yang menekankan bahawa individu mencapai tahap motivasi yang lebih tinggi terutamanya dalam aspek penyelesaian masalah apabila mereka berpeluang untuk bekerjasama dengan rakan-rakan lain berbanding secara sendirian. Kajian oleh Chan (2005) tentang aspek pembelajaran kolaboratif secara atas talian dan sistem telefon mudah alih turut menyebut bahawa penggunaan media sosial seperti 'Whatsapp' mampu memberi ruang kepada individu untuk berkolaborasi dan membangunkan pengetahuan baru. Penglibatan dalam perbincangan melalui media sosial sebegini juga mampu meningkatkan rasa 'kekitaan' serta hubungan rapat antara pengguna kerana wujudnya peluang untuk mereka berinteraksi selain mereka boleh mengakses maklumat dalam perbincangan tersebut pada bila-bila masa dan di mana jua (Zengin, Arikan & Dogan, 2011).

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, analisis hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial dengan tahap pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru novis di negeri Melaka. Hubungan ini bermaksud tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial memberi kesan terhadap tahap pengurusan bilik darjah guru novis. Kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial mampu meningkatkan keupayaan guru novis mengurus bilik darjah.

Kajian ini juga mendapati tahap penglibatan guru novis di negeri Melaka dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pengurusan emosi guru novis. Ini bermaksud tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal mempengaruhi tahap pengurusan emosi mereka. Semakin tinggi tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial, semakin tinggi tahap pengurusan emosi mereka. Pembelajaran tidak formal dari media sosial mampu membantu guru novis mengurus emosi dengan lebih baik sekaligus meningkatkan tahap profesionalisme mereka.

Sebagai cadangan untuk kajian lanjutan, penyelidik bagi kajian akan datang boleh memperbesarkan lagi sampel kajian dengan memfokuskan kepada sekolah-sekolah di negeri lain terutamanya di kawasan luar bandar bagi mengetahui tahap penglibatan guru dalam pembelajaran tidak formal melalui penggunaan media sosial. Hal ini kerana, dengan bertambahnya bilangan responden yang terlibat, hasil dapatan kajian yang diperoleh akan lebih mantap dan menyeluruh. Kajian yang serupa juga boleh diteruskan dengan melibatkan institusi-institusi pengajian lain seperti Institusi Pendidikan Guru (IPG), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Kolej Vokasional (KV) dan Maahad Tahfiz di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mana para pensyarah dan kakitangan akademik boleh diambil sebagai responden.

Rujukan

- Ates, H. (2013). Information technology and the learning environment in primary schools. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 93, 695-698.
- Bar-On, R. (1997). Bar-On Emotional Quotient Inventory (EQ-i) Manual. Toronto: Multi Health System.
- Berry, J.R. (2009). *The novice teacher's experience in sense making and socialization in urban secondary schools*. Tesis Dr. Fal, Texas A&M University
- Campana, J. (2014). Learning for work and professional development: the significance of informal learning networks of digital media industry professionals. *International Journal of Training Research*, 12(3), 213e226.

- Carr, D. (2013). *The effects of teacher preparation programs on novice teachers regarding classroom management, academic preparation, time management and self-efficacy*. Tesis Dr. Fal, Liberty University
- Cope, B., & Kalantzis, M. (2009). *Ubiquitous learning*. Champaign, IL: University of Illinois Press.
- Chan, L. (2005). Web CT revolutionized e-learning. *UBC Reports*, 51(7).
- Eraut, M. (2011). Informal learning in the workplace: evidence on the real value of work-based learning (WBL). *Development and Learning in Organizations: An International Journal*, 25(5), 8e12.
- Fariza Khalid. 2015. The Dimensions of Identities and its Roles in Shaping Teachers' Effectiveness, *Mediterranean Journal of Social Science*, 6(3), 306-314.
- Fariza Khalid, Md Yusoff Daud, & Aidah Karim. (2015). Pemilihan Aplikasi Teknologi Sebagai Medium Perkongsian Maklumat Oleh Pelajar Siswazah Universiti. In: ASEAN Comparative Education Research Network Conference, Malaysia, pp. 2011-2027.
- Goh, P. S. C., Yusuf, Q., & Wong, K. T. (2017). Lived Experience: Perceptions of Competency of Novice Teachers. *International Journal of Instruction*, 10(1), 21-36.
- Goleman, D. (2006). *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Ingersoll, R.M. (2016). Beginning teacher induction: What the data tell us. *Education Week*. http://www.edweek.org/ew/articles/2012/05/16kappan_ingersoll.h31.html.
- Khalid, F., Joyes, G., Ellison, L., & Daud, M. D. (2014). Factors influencing teachers' level of participation in online communities. *International Education Studies*, 7(13), 23-32. <https://doi.org/10.5539/ies.v7n13p23>
- Krejcie, R. V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(30): 607-6010.
- Lieberman, A., & Mace, D. P. (2010). Making practice public: teacher learning in the 21st century. *Journal of Teacher Education*, 61(1e2), 77e88.
- Shu-Fen L., Lin, C.-L., & Lee, D.-C. (2015). The Relationship Between Elementary School Teachers' Technology Readiness And Intention To Use Social Media Platforms For Classroom Management. *International Journal of Organizational Innovation (Online)*, 8(1), 48.
- Lysaker, J., & Thompson, B. (2013). Teacher research as practical tool for learning to teach. *Language Arts*, 90(3), 181-190.
- Marcum, J. (2006). *After the information age: A dynamic learning manifesto*. New York: Peter Lang.
- McCarthy, C.J., Lambert, R.G., Lineback, S., Fitchett, P. & Baddouh, P.G. (2015). Assessing teacher appraisals and stress in the classroom: Review of the classroom appraisal of resources and demands. *Educational Psychology Review*, 28, 577-603
- McGivney, V. (2002). *Informal Learning In The Community. A Trigger For Change And Development*. Lancaster: NIACE.
- Merriam, S. B. (2001). Andragogy and self-directed learning: pillars of adult learning theory. *New Directions for Adult and Continuing Education*, 89, 3e14.
- Merriam, S. dan Baumgartner, G. (2007). Informal And Non Formal Learning: Is There Really Such A Thing As Informal Learning? Dicapai pada Mei 11, 2019 dari [http://www.infed.org/features/informal_learning .htm](http://www.infed.org/features/informal_learning.htm).
- Mohd. Noorhadi Mohd. Yusof & Zurinah Tahir. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan IPTA. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3).
- Nolan & James. (2004). *Teacher supervision and evaluation theory into practice*. New Jersey: John Wiley & Sons, Ltd.
- Orgoványi-Gajdos, J. (2015). Expert and novice teachers' approaches to problematic pedagogical classroom situations. In INTCESS15 - 2nd International Conference on Education and Social Sciences (pp. 591–600). Istanbul, Turkey.
- Parkison, P. T. (2009). Field-based preservice teacher research: Facilitating reflective professional practice. *Teach-ing and Teacher Education*, 25(6), 798-804. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2008.11.017>
- Rahimi Md Saad and Zawawi Ismail. (2005). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Internet, in Zawawi Ismail and Mohd Sukki Othman (Eds.), *Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Cabaran dan Inovasi*, Bangi: Minda Imtiyaz Publications.
- Rashida Che Ani. (2013). *Kecerdasan emosi dalam kalangan Pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI)*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

- Siemens, G. (2005). Connectivism: A learning theory for the digital age. *International Journal of Instructional Technology and Distance Learning*, 2(1), 3-10.
- Solarte, A.C.S. (2011). The Importance of Classroom Management for Novice Teachers. University of Narino. <https://www.researchgate.net/publication/293485195>.
- Souto-Manning, M. (2012). Teacher as research: Teacher action research in teacher education. *Childhood Education*, 88(1), 20-29. <https://doi.org/10.1080/00094056.2012.643726>
- Suzlina Baharuddin and Jamaludin Badusah. (2015). Tahap penggunaan web 2.0 dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 38-48.
- Taylor, L. A. (2017). How teachers become teacher researchers: Narrative as a tool for teacher identity construction. *Teaching and Teacher Education*, 16, 16-25. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2016.09.008>
- Tengku Sarina Tengku Kasim & Fatima Sahida Abdurajak. (2018). Issues and Challenges in Teaching and Learning: An Analysis of Islamic Education Novice Teachers' Practices. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 3(12), 99-109.
- Teo, H. H. Wang, X. Wei, K. K. Sia. (2013). Learning Culture. *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, 50(2), 200–212.
- Veletsianos, G. (2010). A definition of emerging technologies for education. In G. Veletsianos (Ed.), *Emerging technologies in distance education* (pp. 1–22). Edmonton, AB: AU Press. (16) (PDF) *Connectivism in Learning Activity Design: Implications for Pedagogically-Based Technology Adoption in African Higher Education Contexts*.
- Wolff, C. E., Jarodzka, H. & Boshuizen, H.P.A. (2017). See and tell: Differences between expert and novice teachers' interpretations of problematic classroom management events. *Teaching and Teacher Education*, 66, 295-308.
- Zengin, B., Arıkan, A. Dogan, D. (2011). Opinions of English students about their departments' websites. *Contemporary Educational Technology*, 2(4), 294-307.